

Pempengaruh, pendakwah ingkar syariat rosakkan imej ahli agama

Oleh Dr Zizi Azlinda Mohd Yusof
bhagama@bh.com.my

Tidak dinafikan hari ini manusia berbondong-bondong mahu dikenali kerana berjaya membawa pengaruh kepada netizen hingga mencetuskan fenomena influencer atau pempengaruh.

Gelaran ini sudah tentu ada pro dan kontra, tetapi kesan buruknya lebih ketara apabila golongan selebriti atau pempengaruh berimej Islam didakwa atau disabitkan dengan kes jenayah dan aktiviti tidak bermoral.

Mutakhir ini, seorang penceramah bebas bergelar ustaz dikaitkan dengan kes jenayah rogol gadis berusia 14 tahun. Sebelum ini, seorang lelaki bergelar pendakwah juga didakwa atas pertuduhan mencabul dan melakukan seks luar tabii.

Kes seperti ini memberi tamparan hebat kepada golongan pendakwah yang dipanggil ustaz dan ustazah yang benar-benar ikhlas mahu mendidik ummah dengan tarbiah Islam sebenar.

Ini kerana umum mengetahui golongan ilmuwan agama ini dipandang mulia dan dihormati dalam masyarakat. Apabila ada tuduhan jenayah seksual ini, tempiasnya turut terpercik kepada golongan pendakwah lain.

“Hakikatnya, tidak mudah untuk menjunjung gelaran ustaz dan ustazah atau ahli agama kerana ia bermakna individu terbabit berkewajipan membawa Islam secara menyeluruh”

“Bagi pendakwah, beban melakukan dakwah lebih berat berbanding orang awam biasa. Sehubungan itu, pendakwah perlu benar-benar

sekadar pandai berceramah di pentas dakwah menggunakan ayat suci al-Quran dan hadis Nabi, tetapi ‘cakap tak serupa bikin’.

Dengan kata lain, usah mengajak orang lain kepada Allah, tetapi akhlak sendiri mengajak kepada jalan syaitan. Pendakwah kontemporari perlu sedar, kesilapan dilakukan boleh menjadi ibarat nila setitik, rosak susu sebelanga.

Golongan pertama dihumban ke neraka

Malah, setiap pendakwah perlu menghayati hadis panjang mengenai ancaman Allah SWT terhadap orang mendakwa beramal ikhlas seperti berjihad di jalan Allah, bersedekah dan menuntut ilmu bahkan mengajarkan al-Quran, tetapi mereka menjadi golongan pertama dihumban ke dalam api neraka.

Rasulullah SAW bersabda: “Berikutnya (selepas orang mati syahid) orang (diadili) adalah seorang menuntut ilmu dan mengajarkannya serta membaca al-Quran. Dia didatangkan dan diperlihatkan dengan kenikmatannya, maka dia pun mengakuinya. Kemudian Allah bertanya: ‘Amal apakah yang sudah engkau lakukan dengan kenikmatan itu?’ Dia menjawab: ‘Aku menuntut ilmu dan mengajarkannya serta aku membaca al-Quran hanyalah kerana Engkau.’

Allah berkata: ‘Engkau dusta! Engkau menuntut ilmu agar dikatakan seorang alim (berilmu) dan



Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

fenomena ini amat menyedihkan apabila pendakwah dipalit dengan tuduhan rogol yang sama sekali bertentangan dengan mesej sahsiah Islam sempurna.

Ia menunjukkan proses melahirkan pendakwah bukan mudah kerana mereka bukan sahaja perlu dilengkapi dengan ilmu agama, bahkan perlu menghayati dan mengamalkan setiap tuntutan syarak.

Justeru, ia membawa kepada keperluan untuk memastikan program realiti televisyen untuk melahirkan pendakwah moden dan kontemporari perlu dipantau dan dipastikan mempunyai garis panduan yang benar-benar menepati syariah.

Sediakan garis panduan

Oleh itu, pihak berkuasa agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu bergerak proaktif menyediakan garis panduan kepada individu yang mahu menyertai program realiti keagamaan.

Bakal pendakwah perlu diingatkan dan ditegaskan untuk 'meluruskan' niat, akhlak, pengetahuan dan amal perbuatan selari dengan agama, sekali gus mengelak mereka daripada tergelincir daripada landasan agama.

Hakikatnya, tidak mudah untuk menjunjung gelaran ustaz dan ustazah atau ahli agama kerana ia bermakna individu terbabit berkewajipan membawa Islam secara menyeluruh.

Umum mengetahui, sesiapa sahaja terbabit dengan salah laku jenayah seperti rogol, mereka tetap berdepan dengan hukuman undang-undang, tanpa mengira status mereka, ilmuwan agama atau orang awam. Apabila disabitkan kesalahan, mereka tetap berdepan dengan hukuman berat tanpa kompromi.

Bagi pendakwah, beban melakukan dakwah lebih berat berbanding orang awam biasa. Sehubungan itu, pendakwah perlu benar-benar menjunjung maruah agama dengan ikhlas.

Golongan ini perlu memastikan diri mereka cukup berintegriti dalam konteks Islam sejati sebelum diselubungi populariti.

Imej Islam perlu dijaga sebaiknya, bukan

perna benar-benar menjunjung maruah agama dengan ikhlas. Golongan ini perlu memastikan diri mereka cukup berintegriti dalam konteks Islam sejati sebelum diselubungi populariti



linda agar dikatakan seorang ahli (berilmu) dan engkau membaca al-Quran supaya dikatakan seorang qari' (pembaca al-Quran yang baik). Memang begitulah yang dikatakan (tentang dirimu). Kemudian diperintahkan (malaikat) agar menyeret atas mukanya dan melemparkannya ke dalam neraka. (Hadis riwayat Imam Ahmad, Muslim, Nasa'i dan Baihaqi)

Hadis ini memperingatkan setiap manusia akan dihisab oleh Allah SWT, termasuk pengengaruh agama. Justeru, selebriti dan pengengaruh agama usahlah merosakkan kepercayaan diberikan masyarakat dengan tangan sendiri. Sampaikan mesej kebenaran daripada al-Quran dan sunah dengan ikhlas, tanpa berkiblatkan nafsu.



Pihak berkuasa agama seperti JAKIM perlu bergerak proaktif sediakan garis panduan kepada individu yang mahu sertai program realiti keagamaan. (Foto hiasan)